

Kerajaan, Bank Negara perlu campur tangan

■ MOHAMAD FAKHRI MOHD ALI

ALOR SETAR - Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) menggesa campur tangan kerajaan dan Bank Negara terhadap dua bank tempatan yang memperkenalkan skim pinjaman kepada penjawat awam tanpa perlu kemuka slip gaji.

Presidennya, Datuk Azih Muda berkata, melalui skim tersebut, penjawat awam yang gajinya tidak cukup 60 peratus juga diberi kelonggaran untuk membuat pinjaman bank dengan potongan terus akaun di bank.

"Mereka melaksana skim sama kepada penjawat awam yang nak bersara setahun lagi ataupun yang telah bersara, boleh pinjam selama 10 tahun. Melalui dua kaedah yang dilaksana bank ini, Cuepacs bimbang penjawat awam kembali tertekan dengan kehilangan pendapatan ketara.

"Sehingga hari ini pun kami menerima banyak aduan pesara kita hanya terima RM400 pencen kerana bakinya dipotong bank. Bagaimana nak teruskan kehidupan dalam keadaan yang semakin mencabar kerana institusi kewangan masih lagi mengutamakan keuntungan," katanya pada Majlis Perasmian Persidangan Perwakilan Dwi Tahunan Kesatuan Kakitangan Perkhidmatan Tadbir dan Awam Pasukan Polis Semenanjung Malaysia (Pacsu) kali ke-36 di TH Hotel, semalam.

Katanya, Cuepacs kecewa kerana

ia dibuat tanpa mengambil kira kesukaran kehidupan penjawat awam selepas pinjaman dibuat.

"Sampai bila kami nak tuntutan naik gaji kalau setiap kali naik gaji, bank akan perkenal skim untuk tarik upah yang ada pada penjawat awam. Ini perkara penting dan sensitif.

"Sekiranya tidak ditangani, akhirnya kita akan balik semula keadaan kemiskinan tegar dalam kalangan penjawat awam dan pesara kerajaan. Ini isu baru dan perkara ini amat membimbangkan kita. Ia seumpama 'ah long' yang tidak ada simpati, meng-

utamakan keuntungan," katanya.

Menurutnya, lebih mengejutkan apabila bank berkenaan juga didakwa meminta peminjam berhenti daripada menjadi ahli koperasi dengan alasan untuk menambah pendapatan dan membolehkan mereka mendapat pinjaman lebih.

"Kalau dah jadi ahli koperasi pun dah disuruh berhenti, apa dasar koperasi negara? Bagaimana kerajaan nak menangani sikap institusi kewangan yang tamak ini.

"Kami harap Bank Negara dan kerajaan bertindak segera," katanya.



Azih (kiri) ketika hadir pada Majlis Perasmian Persidangan Perwakilan Dwi Tahunan Pacsu, semalam.